



# LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

JALAN MAWAR MERAH 2, PUSAT PERDAGANGAN PASIR GUDANG 2  
81700 PASIR GUDANG, JOHOR DARUL TA'ZIM



ISO 9001 : 2008  
KLR 0403621

Rujukan : LPJ/IP/OPS/24JLD3(54)

Tarikh : 29 SEPTEMBER 2020

## NOTIS PELABUHAN BIL. 17 / 2020 PORT NOTICE NO. 17 / 2020

### LEMBAGA PELABUHAN JOHOR JOHOR PORT AUTHORITY

**KEPADA: PEMAKLUMAN KEPADA OPERATOR PELABUHAN, EJEN PERKAPALAN, EJEN PENGHANTARAN, PENGHANTAR FRET, PERSATUAN-PERSATUAN, PEMILIK JETI PERSENDIRIAN, FERI TERMINAL DAN PENGGUNA-PENGGUNA PELABUHAN**

**TO: NOTIFICATION TO PORT OPERATOR, SHIPPING AGENT, FORWARDING AGENT, FREIGHT FORWARDER, ASSOCIATIONS, PRIVATE JETTY, FERRY TERMINAL AND PORT USERS**

**PERKARA: PEMATUHAN KEPADA PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BAGI MENCEGAH PENULARAN COVID 19.**

**SUBJECT: COMPLIANCE WITH STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) TO PREVENT COVID 19 SPREADING.**

- 
- |  |   |
|--|---|
| <p>1. Kerajaan telah melanjutkan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula 01 September 2020 hingga 31 Disember 2020. Di dalam tempoh PKPP ini, sektor ekonomi dalam negara dibenarkan untuk terus beroperasi dengan syarat hendaklah sentiasa mematuhi sepenuhnya SOP yang telah ditetapkan.</p> <p>2. Adalah diingatkan bahawa dalam tempoh PKPP berkuatkuasa, semua pihak wajib mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan bagi mencegah penularan Covid-19. Ini termasuk ketika berurusan di dalam pelabuhan, terminal, jeti persendirian dan depoh kontena.</p> | <p>1. <i>The Government has extended the Recovery Movement Control Order (RMCO) effective 01 September 2020 until 31 December 2020. During the RMCO period, the domestic economic sector has been allowed to continue to operate on the condition that the SOP that has been set is fully complied with.</i></p> <p>2. <i>Please be reminded that during the period the RMCO is in force, all parties are required to comply with the SOP that has been set by the Government in order to curb the spread of Covid-19. This includes while carrying out any operation in the port, terminal, private jetty and container depot.</i></p> |
|--|---|

---

IBU PEJABAT (PASIR GUDANG)	: 07-253 4000 (TEL.)
	07-251 7684 (FAKS)
PEJABAT PERHUBUNGAN LPJ (TG. PELEPAS)	: 07-507 1978 (TEL.)
	07-507 1976 (FAKS)
TERMINAL FERI CHANGI, SINGAPURA	: 02-6545 3230 (TEL.)
	02-6545 3231 (FAKS)
LAMAN WEB	: <a href="http://www.lpj.gov.my">http://www.lpj.gov.my</a>
	e-mail: <a href="mailto:admin@lpj.gov.my">admin@lpj.gov.my</a>

3. Bermula 01 Ogos 2020, Kerajaan telah mewajibkan pemakaian pelitup muka semasa di dalam pengangkutan awam dan di tempat sesak. Oleh yang demikian, semua pihak yang berurusan di pelabuhan, terminal, jeti persendirian dan depoh kontena hendaklah sentiasa menggunakan pelitup muka, mengamalkan penjarakkan fizikal dan sentiasa menjaga kebersihan.

4. Tambahan dari di atas, semua pelabuhan, terminal, jeti persendirian, depoh kontena dan lain-lain premis yang berkaitan hendaklah menyediakan kemudahan Kod QR bagi aplikasi MySejahtera untuk tujuan pendaftaran pengguna pelabuhan, pekerja dan pelawat sebelum memasuki premis.

5. Notis Pelabuhan ini akan terus terpakai sekiranya tempoh PKPP dilanjutkan oleh pihak Kerajaan. Kerjasama semua pihak amat diperlukan bagi mematuhi SOP yang telah ditetapkan bagi memastikan operasi pelabuhan dan logistik dapat diteruskan.

3. *Effective 01 August 2020, the Government have made it compulsory to wear face mask while in public transport and crowded areas. Therefore, all parties that are conducting any business in port, terminal, private jetty and container depot are required to wear face masks, practice physical distancing and maintain good hygiene at all times.*

4. *On top of the above, all ports, terminals, private jetties, container depots and other related premises are required to provide the MySejahtera application QR Code for the purpose of registration of every port user, worker and visitor before entering the premise.*

5. *This Port Notice shall continue to be effective whenever the period of RMCO is further extended by the Government. Your cooperation is required to fully comply with the set SOP to ensure port and logistics operation may continue uninterrupted.*

Terima kasih.

Thank you.

**PROFESIONALISME MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN**  
*PROFESSIONALISM ENHANCES SERVICE*



**MUHAMMAD RAZIF BIN AHMAD,**  
Pengurus Besar,  
Lembaga Pelabuhan Johor.  
*General Manager,  
Johor Port Authority.*

[razifahmad@lpi.gov.my](mailto:razifahmad@lpi.gov.my)

No. dokumen: 186031